



IKLAN KEKOSONGAN JAWATAN LEMBAGA KOKO MALAYSIA (LKM)

Permohonan dipelawa daripada warganegara Malaysia yang berkelayakan bagi mengisi kekosongan jawatan bertaraf **TETAP** di Lembaga Koko Malaysia seperti berikut;

1 JAWATAN

BIL	JAWATAN	KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	KUMPULAN PERKHIDMATAN	GRED DAN JADUAL GAJI		BIDANG	BIL. KOSONG	PENEMPATAN	
1.1	Pegawai Penyelidik	Penyelidikan dan Pembangunan (Q)	Pengurusan dan Profesional	Gred Q41		i)	Kimia	2	Bahagian Teknologi Hiliran Koko, Pusat Inovasi Teknologi Koko, Nilai, Negeri Sembilan / Pusat Penyelidikan & Pembangunan Koko, Kota Samarahan, Sarawak / Pusat Penyelidikan Bioteknologi Koko, KKIP, Kota Kinabalu, Sabah
				Gaji Minimum	Gaji Maksimum	ii)	Sains Makanan / Teknologi Makanan / Kejuruteraan Mekanikal / Elektrikal / Kimia / Biokimia dan Bioteknologi	2	Bahagian Bioteknologi, Pusat Penyelidikan Bioteknologi Koko, KKIP, Kota Kinabalu, Sabah
				RM2,315.00	RM9,618.00				
						iii)	Biologi Sintetik	1	Bahagian Bioteknologi, Pusat Penyelidikan Bioteknologi Koko, KKIP, Kota Kinabalu, Sabah

Syarat Kelayakan :

- a) Ijazah Sarjana Muda kepujian atau Ijazah Sarjana atau Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D) dalam bidang Kimia / Sains Makanan/ Teknologi Makanan / Kejuruteraan Mekanikal / Elektrikal / Kimia / Biokimia / Bioteknologi dan Biologi Sintetik daripada Universiti-universiti Tempatan dan luar negara atau kelayakan dalam bidang berkaitan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;
- DAN** b) Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

Deskripsi Tugas (Bahagian Teknologi Hiliran Koko):

- i) Bertanggungjawab merancang, menyediakan kertas cadangan dan menjalankan projek penyelidikan berkaitan pemprosesan koko/pembangunan kaedah analisis bagi membangunkan teknologi/produk baru yang inovatif.
- ii) Menyediakan laporan penyelidikan dan menghasilkan penulisan bagi penerbitan jurnal dan artikel saintifik berindeks dan berimpak tinggi.
- iii) Membentangkan kertaskerja dan hasil penyelidikan di seminar/bengkel/persidangan di dalam atau luar Negara.
- iv) Menawarkan khidmat nasihat dan kemahiran teknikal bagi membantu industri
- v) Merancang, melaksanakan dan menyediakan kepakaran teknikal melalui Makmal Khidmat Analisis Lembaga Koko Malaysia yang diakreditasi di bawah standard ISO/IEC 17025.
- vi) Bertindak sebagai penandatanganan laporan analisis yang dijalankan oleh Makmal Khidmat Analisis Lembaga Koko Malaysia.
- vii) Merancang, menguruskan dan menyelenggara peralatan-peralatan pemprosesan koko dan coklat/peralatan saintifik.
- viii) Memastikan penghasilan produk siap untuk jualan disamping menawarkan latihan penggunaan peralatan kepada industri
- ix) Memfailkan harta intelek seperti paten, cap dagang, dan lain-lain.
- x) Mengkomersilkan teknologi / produk yang dibangunkan.

Keutamaan adalah diberi kepada pemohon yang mempunyai:-

- i) Ijazah Sarjana atau pemegang Ijazah Doktor Falsafah (PhD).
- ii) Kelulusan Cemerlang dengan sekurang-kurangnya Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian Kelas Kedua tertinggi (PNGK 3.0 ke atas).
- iii) Sekurang-kurangnya tiga (3) tahun pengalaman bekerja dalam bidang-bidang yang dipohon
- iv) Mempunyai sifat kepimpinan dan kemahiran komunikasi serta daya saing yang tinggi untuk merancang dan menjalankan kajian saintifik serta bersikap amanah, proaktif, dedikasi, bertanggungjawab serta boleh memantau dan mengembeling kakitangan dibawah seliaan.
- v) Teliti dan mampu mengendalikan pelbagai fungsi tugas.

- vi) Kemahiran interpersonal dan komunikasi yang baik serta mampu bekerja secara berdikari
- vii) Fasih bertutur serta menulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris

Deskripsi Tugas [Bahagian Bioteknologi (Pusat Penyelidikan Bioteknologi Koko, KKIP Kota Kinabalu)]:

- i) Bertanggungjawab merancang, menyediakan kertas cadangan dan menjalankan projek penyelidikan berkaitan pembangunan teknologi RNAi bagi kawalan perosak dan penyakit koko.
- ii) Bertanggungjawab merancang, menyediakan kertas cadangan dan menjalankan projek penyelidikan berkaitan pembangunan teknologi RNAi bagi kawalan perosak dan penyakit koko.
- iii) Mengenalpasti teknik terkini dalam bidang biologi sintetik seperti CRISPR dan lain-lain bagi menjalankan program peningkatan tanaman koko
- iv) Menyediakan laporan penyelidikan dan menghasilkan penulisan bagi penerbitan jurnal dan artikel saintifik berindeks dan berimpak tinggi.
- v) Membentangkan kertas kerja dan hasil penyelidikan di seminar / bengkel / persidangan di dalam dan luar negara.
- vi) Memfailkan harta intelek seperti paten, cap dagangan dan lain-lain
- vii) Mengkomersilkan teknologi / produk yang dibangunkan
- viii) Memberikan khidmat nasihat dan kemahiran teknikal yang tinggi untuk menyokong bidang pengkhususan kerja.

Keutamaan adalah diberi kepada pemohon yang mempunyai:-

- i) Ijazah Sarjana atau pemegang Ijazah Doktor Falsafah (PhD).
- ii) Kelulusan Cemerlang dengan sekurang-kurangnya Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian Kelas Kedua tertinggi (PNGK 3.0 ke atas).
- iii) Sekurang-kurangnya tiga (3) tahun pengalaman bekerja dalam bidang Biologi Sintetik
- i) Pemohon yang mempunyai latarbelakang kepakaran dan pengalaman dalam penyelidikan teknologi RNAi atau penyuntingan genom (CRISPR) atau kejuruteraan genetik.
- ii) Berkemahiran mengendalikan eksperimen menggunakan teknik biologi molekul dan melakukan analisis bioinformatik seperti analisis gen, *metabolic pathway*, protein dan sebagainya.
- iii) Kompeten mengendalikan peralatan makmal di dalam bidang biologi molekul (real-time PCR, bio-analyzer dan lain-lain).
- iv) Mempunyai sifat kepimpinan dan kemahiran komunikasi serta daya saing yang tinggi untuk merancang dan menjalankan kajian saintifik dan bersikap proaktif, dedikasi, bertanggungjawab serta boleh memantau dan mengembeling tenaga kerja.
- v) Fasih bertutur serta menulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.

2. SYARAT-SYARAT UMUM PERMOHONAN

- i) Calon-calun bagi lantikan hendaklah berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan.
- ii) Bagi calon-calun yang terdiri daripada pegawai yang sedang berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam Persekutuan / Perkhidmatan Awam Negeri / Badan Berkanun Persekutuan / Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah berumur:-
 - kurang daripada 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
 - kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
 - kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun

3. PENAKLUKAN DI BAWAH SYARAT-SYARAT SKIM PERKHIDMATAN

Calon-calun yang memasuki perkhidmatan jawatan di atas adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuatkuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari masa ke semasa.

4. CARA MEMOHON

Permohonan hendaklah dibuat dengan menggunakan borang yang boleh dicetak melalui Laman Sesawang Lembaga di alamat www.koko.gov.my

Borang permohonan yang telah lengkap diisi berserta sekeping gambar berukuran paspot dan salinan Ijazah, Diploma (termasuk transkrip keputusan peperiksaan semua semester), STPM/SPM, Sijil Berhenti Sekolah dan lain-lain dokumen (spt, kad pengenalan, sijil lahir, dll lagi) yang **DIAKUI SAH** oleh Pegawai Dalam Kumpulan Pengurusan & Profesional dan hendaklah dihantar tidak lewat pada **jam 5:00 Petang, Selasa 20 Disember 2022** ke Ibu pejabat Lembaga Koko Malaysia di alamat:-

**KETUA PENGARAH
LEMBAGA KOKO MALAYSIA
TINGKAT 5, 6 & 7 WISMA SEDCO,
LORONG PLAZA WAWASAN
OFF COASTAL HIGHWAY
BEG BERKUNCI 211
88999 KOTA KINABALU, SABAH.**

Nama jawatan yang dipohon hendaklah dicatit disudut atas sebelah kiri sampul surat. Sebarang **permohonan yang tidak lengkap tidak akan dilayan** dan **akan dianggap tidak berjaya**, hanya calon-calun yang layak selepas tapisan/senarai pendek sahaja akan dihubungi untuk ditemuduga. Pemohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas tempoh 6 bulan dari tarikh tutup iklan hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.